

**Jawab semua soalan dalam bahagian ini.**

1. Seorang atlet dalam acara 400 meter yang berlari dalam lorong 5, apabila tiba lebih kurang 40 meter dari garisan penamat, masuk ke lorong 3 dan memenangi pertandingan itu. Nyatakan dua sebab mengapa atlet itu tidak dibatalkan?

(a) .....

.....

(b) .....

.....

2. Persaingan sengit berlaku di antara dua orang atlet yang bertanding dalam 10,000 meter Jalan Kaki. Pada jarak 50 meter dari garisan penamat, dalam usahanya untuk memenangi perlumbaan, pergerakan kaki mereka melanggar peraturan berjalan kaki.

(a). Nyatakan pegawai yang berkuasa untuk mengambil tindakan?

(b). Apakah tindakan yang akan diambil oleh pegawai ini?

(a) .....

(b) .....

3. Dalam acara 110 meter Lari Berpagar, atlet di lorong 8 enggan memulakan pertandingan dengan alasan blok mulanya tidak mencengkam kukuh.

(a). Namakan pegawai yang boleh membuat keputusan?

(b). Apakah tindakan terbaik boleh dilakukan?

(a) .....

(b) .....

4. Pelari kedua dari satu pasukan Lari Berganti-ganti acara 4 X 100 meter memulakan larian 10 meter di belakang zon pertukaran baton dan menerima baton dalam zon pertukaran baton.

- (a). Adakah ia dibenarkan?
- (b). Terangkan mengapa anda beri jawapan sedemikian?

(a) .....

(b) .....

5. Dalam acara 1500 meter peringkat Separuh Akhir, Micheal menyiku Musa di selekok yang akhir. Musa jatuh dan tidak menamatkan perlumbaan. Anda sebagai Referi acara itu, apakah tindakan anda terhadap :

- (a). Micheal?
- (b). Musa?

(a) .....

.....

(b) .....

.....

6. Seorang atlet jempunan dari Bhutan terlepas pusingan awal acara 100 meter lelaki kerana kelewatan penerbangan. Atlet untuk dua Separuh Akhir sudah diputuskan. Atlet Bhutan itu merayu supaya beliau dipertimbangkan untuk bertanding dalam pertandingan Separuh Akhir.

- (a). Siapa yang boleh membuat keputusan dalam hal ini?
- (b). Apakah keputusan terbaik boleh diambil?

(a) .....

(b) .....

.....

7. Dalam acara 3 000 meter Lari Berhalangan, seorang atlet membuat lompatan pada halangan ketiga. Seorang Pengadil yang bertugas di situ mengangkat bendera kuning dan seterusnya menyerahkan laporan bertulis kepada Referi. Nyatakan dua daripada maklumat penting yang harus terkandung dalam laporan tersebut.

(a). .....

(b). .....

8. Seorang atlet memarahi dengan kata-kata kesat kerana membatalkan lompatannya dalam acara Lompat Jauh.

(a). Pegawai mana yang mempunyai kuasa untuk bertindak?

(b). Apakah tindakan terbaik yang boleh diambil?

(a). .....

(b). .....

9. Nyatakan dua situasi di mana seorang Referi boleh membenarkan seorang atlet bertanding dalam bantahan.

(a). .....

.....

(b). .....

.....

10. Semasa pelepasan dalam acara 100 meter, seorang atlet mengeluarkan suatu bunyi yang menyebabkan berlakunya salah mula. Apakah tindakan yang harus diambil

(a) Kiranya Penolong Pelepas tidak dapat mengesan atlet yang mengeluarkan bunyi itu?

(b) kiranya Penolong Pelepas tahu atlet yang mengeluarkan bunyi itu?

(a). .....

.....

(b). .....

.....

11. Seorang atlet dalam acara Tukul Besi memulakan putaran. Selepas dua putaran, atlet itu berhenti, meletak tukul besi dan melangkah keluar dari bulatan. Seterusnya dengan serta-merta masuk semula ke dalam bulatan untuk membuat percubaan. Hakim serta-merta mengangkat bendera merah. Nyatakan dua kemungkinan mengapa percubaan itu dibatalkan.

(a). .....

.....

(b). .....

.....

12. Pada akhir pertandingan Lompat Bergalah dua orang atlet seri untuk tempat pertama. Nyatakan dua kaedah di mana seri ini boleh diputuskan?

(a). .....

.....

(b). .....

.....

13. Seorang atlet mengalami kecederaan ketika melakukan percubaan dalam acara Lompat Tinggi. Apakah keputusan anda sebagai Referi apabila atlet itu meminta anda:

(a). untuk membenarkan doctor pasukannya memasuki arena untuk memberi rawatan?

(b). untuk mengubah giliran bagi percubaan selepas itu.

(a). .....

.....

(b). .....

.....

14. Apakah keputusan anda dalam pertandingan akhir acara Lompat Kijang, dua orang atlet langsung tidak berjaya melakukan sebarang lompatan yang sah dalam tiga percubaan awal apabila pertandingan itu mengandungi:

(a). sembilan orang atlet?

(b). lapan orang atlet?

(a). .....

.....

(b). .....

.....

15. Seorang atlet dalam acara Lompat Tinggi melepasi palang tanpa menyentuhnya. Hakim pula dengan serta-merta mengangkat bendera putih. Bila meninggalkan tilam mendarat, atlet itu menyentuh palang dan palang itu jatuh. Sebagai Referi acara itu:

(a). apakah keputusan anda?

(b). mengapakah anda membuat keputusan sedemikian?

(a). .....

.....

(b). .....

.....

16. Nyatakan dua situasi di mana seorang atlet dalam acara Merejam Lembing dianggap sebagai sudah tamat membuat rejaman.
- (a). .....
- .....
- (b). .....
- .....
17. Nyatakan dua perkara yang dipertimbangkan untuk memilih atlet-atlet dari peringkat separuh akhir ke peringkat akhir bagi acara-acara balapan?
- (a). .....
- .....
- (b). .....
- .....
18. Seorang atlet dipanggil untuk memasuki bulatan untuk melontarkan peluru. Setelah lontaran dilakukan barulah Hakim menyedari bahawa atlet itu tidak memakai nombor bib.
- (a). Apakah tindakan anda sebagai Referi?
- (b). Mengapa anda membuat keputusan tersebut?
- (a). .....
- .....
- (b). .....
- .....

19. Buah tukul besi mendarat di atas garisan sektor tetapi kawat dan pemegang mendarat dalam kawasan mendarat tanpa menyentuh garisan sektor.

- (a). Apakah keputusan anda sebagai Hakim yang mengawasi kawasan mendarat?
- (b). Mengapakah anda membuat keputusan sedemikian?

(a). .....

.....

(b). .....

.....

20. Dalam acara Dekathlon, seorang atlet memperolehi jumlah mata yang lebih baik daripada Rekod Kejohanan tersebut. Bacaan kelajuan angin dalam acara-acara berkaitan adalah:

100 meter:		+4.1 m/s
110 meter Lompat Pagar:		+1.2 m/s
Lompat Jauh:	Percubaan pertama	+2.0 m/s
	Percubaan kedua	gagal
	Percubaan ketiga	+2.6 m/s

- (a). Bolehkah rekod itu diiktiraf?
- (b). Jelaskan keputusan anda.

(a). .....

(b). .....

.....

**BAHAGIAN B****60 MARKAH****Jawab semua soalan dalam bahagian ini.**

1. (a). Kaji maklumat-maklumat di bawah yang berkaitan dengan satu pertandingan acara 100 meter.
  - (i). Borang Ketua Penjaga Masa. (Masa diambil dengan menggunakan jam digital).

KEDUDUKAN	JAM 1	JAM 2	JAM 3
<b>1</b>	<b>10.38</b>	<b>10.39</b>	<b>10.31</b>
<b>2</b>	<b>11.93</b>	<b>11.90</b>	<b>11.92</b>
<b>3</b>	<b>12.02</b>	<b>11.93</b>	<b>12.05</b>
<b>4</b>	<b>12.05</b>	<b>12.16</b>	<b>12.13</b>
<b>5</b>	<b>13.18</b>	<b>13.25</b>	<b>13.30</b>
<b>6</b>	<b>13.60</b>	<b>13.63</b>	<b>13.52</b>
<b>7</b>	<b>14.81</b>	<b>14.92</b>	<b>14.80</b>
<b>8</b>	<b>14.90</b>	<b>15.12</b>	<b>14.74</b>



(ii). Keratan catatan Hakim-hakim.

1	<b>752</b>
2	<b>752</b>

4	<b>712</b>
5	<b>883</b>

7	<b>428</b>
8	<b>539</b>

2	<b>432</b>
3	<b>347</b>

5	<b>883</b>
6	<b>556</b>

8	<b>539</b>
1	<b>752</b>

3	<b>347</b>
4	<b>883</b>

6	<b>556</b>
7	<b>428</b>

(iii). Senarai peserta

LORONG	NAMA ATLET	NO. BIB
1	MOHD ASRI	347
2	ARVIN KUMAR	428
3	JOHNSON	752
4	MOHAIDEEN	539
5	STEVEN LIM	883
6	GOH KIM SOOM	556
7	SULAIMAN	432
8	CHAMRAT	712

(b). Berdasarkan maklumat-maklumat yang terdapat pada (a) di atas, sempurnakan jadual di bawah ini.

KEDUDUKAN	NAMA ATLET	NO. BIB	MASA RASMI
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

2. Berikut adalah rekod keputusan empat saringan acara 100 meter lelaki.

Ked	Saringan 1		Saringan 2		Saringan 3		Saringan 4	
	1	Aziz	10.56	Isaan	10.39	Petra	10.65	Yunus
2	Burhan	10.61	Johari	10.62	Ronne	10.69	Zendra	10.76
3	Chandra	10.63	Kimsu	10.70	Saud	10.73	Aegin	10.80
4	Devan	10.75	Lingam	10.72	Tian	10.74	Baron	10.86
5	Eric Chu	10.85	Mohd	10.73	Vasan	10.82	Chelva	11.02
6	Foong	11.01	Natcha	10.95	Walsa	11.13	Dafien	11.12
7	Ghoosi	11.41	Ollien	10.96	Xakir	11.89	Ellan	11.13
8	Hassan	11.43						

Berpandukan jadual di atas, tentukan atlet-atlet yang layak bertanding dalam Separuh Akhir dan senaraikan dalam jadual yang disediakan di bawah mengikut kelayakan lorong-lorong yang betul.

Separuh Akhir 1		Separuh Akhir 2	
Lorong	Atlet	Lorong	Atlet
1		1	
2		2	
3		3	
4		4	
5		5	
6		6	
7		7	
8		8	

3. Dalam setiap situasi berikut, Pegawai Teknikal yang disebutkan itu akan bertindak mengikut peraturan. Nyatakan dengan ringkas apa yang akan dilakukan oleh pegawai-pegawai itu.

(a). Referi Balapan  
Seorang pelumba 4X100 meter melambung tinggi batonnya sebaik melintasi garisan penamat.

.....  
.....

(b). Referi Padang  
Pada percubaan keempat seorang atlet dalam acara Lompat Kijang hendak meninggalkan arena pertandingan untuk mengambil bahagian dalam acara 4X400 meter dan meminta mengubah giliran percubaannya dalam acara Lompat Kijang.

.....  
.....

- (c). Ketua Hakim Padang  
Seorang atlet dalam acara Lontar Peluru memasuki bulatan dan memijak papan penahan sebaik sebelum memulakan percubaan.

- (d). Referi Bilik Panggilan  
Seorang atlet melapor diri di bilik panggilan satu setelah atlet-atlet lain telah dihantar ke bilik panggilan dua.

- (e). Pelepas  
Pertandingan akhir 100 meter dipanggil balik kerana terdengar isyarat akustik dari alat Sistem Maklumat Mula. Apabila diperiksa didapati atlet di lorong 4 tercatat masa reaksi 0.100 saat.

- (f). Pengadil  
Dalam acara 5 000 meter Jalan Kaki, ternampak seorang atlet menolak atlet yang lain yang mencuba mendahulainya.

- (g). Wakil Teknikal  
Seorang atlet yang berumur 15 tahun didaftar untuk bertanding dalam acara "Golden Miles" kategori umur bawah 18 tahun.

- (h). Referi Bilik Panggilan  
Sebuah pasukan Lari Berganti-ganti menyerahkan senarai atlet dalam masa yang ditetapkan tetapi enggan mendedahkan susunan atlet-atlet.

- (i). Referi Video  
Ketika mengikuti rakaman video pertandingan acara 400 meter, seorang atlet melangkah masuk lorong sebelah dalam bahagian lengkung balapan.
- .....
- .....

- (j). Referi Pelepasan  
Dalam acara 100 meter Hephthlon , atlet dalam lorong 6 melakukan salah mula.
- .....
- .....

4. Terdapat 25 orang atlet bertanding dalam acara Lompat Tinggi Lelaki. Mereka dibahagikan kepada dua klumpulan dan keputusannya adalah seperti berikut. Tinggi kelayakan ditetapkan 2.10 meter.

Kumpulan A

BIL	ATLET	KETINGGIAN					Ketinggian Terbaik	Atlet Yang Layak
		1.90	1.95	2.00	2.05	2.10		
1	Saidin	-	O	O	XXX			
2	Chuah	O	O	-	XO	O		
3	Allen	O	O	O	XXO	XXX		
4	Lingam	-	-	XO	XXO	XXO		
5	Dolah	XO	XXO	XXX				
6	Ragul	O	O	O	O	XXX		
7	Azlan	-	XO	XO	XO	XXX		
8	Darus	O	O	XXX				
9	Uegen	O	-	XO	XXO	XXX		
10	Husin	O	-	XXO	XXO	XXX		
11	Velan	-	-	XO	XXO	XXX		
12	Tien	O	O	O	XXX			
13	Ghaus	-	O	-	XXX			

Kumpulan B

BIL	ATLET	KETINGGIAN					Ketinggian Terbaik	Atlet Yang Layak
		1.90	1.95	2.00	2.05	2.10		
1	Wong	O	O	XXX				
2	Duran	-	O	XXO	XXO	XXX		
3	Sarjit	-	-	XO	XXO	XXO		
4	Samret	O	O	O	XXO	XXX		
5	Khir	O	-	O	O	XO		
6	Ismail	O	O	-	XXO	XXX		
7	Gulam	XO	XXO	XXO	XXX			
8	Sarip	-	XO	XO	XXO	XXX		
9	Syed	XO	XO	XXO	XXO	XXX		
10	Mat	O	O	-	XXO	XXX		
11	George	-	-	O	O	XO		
12	Lucus	O	-	O	XO	XXO		

(a). Dalam ruang yang disediakan di atas, tuliskan huruf “Q” untuk atlet-atlet yang layak ke pertandingan akhir.

(b). Nyatakan dua perkara yang harus diikuti kiranya pertandingan kelayakan ini dijalankan secara serentak.

(i). .....

.....

(ii). .....

.....

(c). Semua atlet yang sudah melepasi ketinggian 2.10 meter meminta untuk meneruskan pertandingan dengan terus menaikkan palang kepada ketinggian rekod kejohanan. Apakah keputusan anda sebagai Referi acara tersebut.

.....

.....

(d). Bagaimanakah giliran atlet-atlet terpilih untuk pertandingan akhir itu ditentukan.

.....

.....

5. Terangkan dengan ringkas istilah-istilah berikut.

(a). “Garis sifar” (zero line) dalam acara Lompat Bergalah

.....

.....

(b). Ruang Perhentian (Pit lane) dalam acara Lumba Jalan Kaki.

.....

.....

(c). “Faktor Pengelakkan Laluan Pendek” (Short Course Prevention Factor) dalam acara Lumba Jalan Raya.

.....

.....

(d). Singkatan “DNF” dalam acara balapan.

.....

.....

(e). “Melangkau Percubaan” dalam acara Lompat Tinggi.

.....

.....

6. Berikut adalah kad rekod pencapaian atlet-atlet dalam acara Dekathlon.

Nama	100m	L. Jauh	L. Peluru	L. Tinggi	400 m	L. Pagar	L. Cakera	L. Bergalah	Lembing	1500 .	Jumlah	Kedudukan
Ikbal	10.29	7.39	15.95	1.90	48.80	14.70	61.84	5.00	69.42	3:52.20		
	1025	908		714	871	886	1120	910	881	1012		
Brynth	10.44	7.36	15.79	1.90	48.70	14.80	62.76	5.00	60.06	3:43.08		
	989	900		714	876	874	1140	910	739	1082		
Quan	10.30	7.56	16.78	1.85	49.59	14.85	62.86	5.10	67.26	3:53.79		
	1023	950		670	834	868	1142	941	848	1000		
Faris	10.32	7.90	16.18	1.85	48.40	14.59	63.28	4.90	62.38	3:54.46		
	1018	1035		670	890	900	1151	880	774	995		
Larry	10.33	7.49	15.82	1.95	48.11	14.26	60.98	5.20	53.90	4:00.25		
	1016	932		758	904	941	1102	972	647	952		

- (a). Dengan menggunakan Jadual Skor Pertandingan Acara Bercampur yang disediakan, masukkan markah yang diperolehi atlet-atlet dalam acara Lontar Peluru dan tentukan jumlah mata yang diperolehi serta kedudukan atlet-atlet itu.
- (b). Lima orang atlet bertanding dalam acara Heptatlon. Seorang daripada mereka tidak dapat menyertai acara terakhir ia itu 800 meter kerana tercedera. Perkara ini telah disahkan oleh doktor rasmi kejohanan. Walau bagaimanapun jumlah mata atlet itu untuk enam acara melebihi jumlah mata yang diperolehi oleh atlet-atlet lain. Terangkan kedudukan atlet itu.

.....  
 .....



Jawaban:

BAHAGIAN A.

1. (a). Jarak dilalui tidak memendekkan jarak pertandingan.  
(b). Tidak menghalang atlet-atlet lain.
2. (a). Refer Balapan (b). Membatalkan kedua-dua atlet.
3. (a). Pelepas (b). Meminta seorang Pembantu Teknikal memijak bhg belakang blok permulaan.
4. (a). Pengadil (b). Mengangkat bendera kuning & melapor kpd Referi.
5. (a). Micheal dibatalkan (b). Musa dibenarkan masuk pertandingan akhir.
6. (a). Referi  
(b). Membenarkan atlet berlari perseorangan dan kiranya masa tercatat lebih baik, memasukkan atlet itu ke peringkat Separuh Akhir.
7. (a). No. bib atlet terlibat (b). Salah laku
8. (a). Referi (b). Memberi amaran dengan menunjukkan kad kuning.
9. (a). (b).
10. (a). Tunjukkan kad hijau kpd semua atlet dan membuat pelepasan semula.  
(b). Singkir atlet itu dan membuat pelepasan semula.

11. (a). Melangkah keluar bahagian hadapan bulatan.  
(b). Melempi tempoh masa untuk membuat percubaan.
12. (a). Mengadakan pertandingan Lompatan Sisi.  
(b). Ditetapkan oleh pihak pengelola sebelum pertandingan dimulakan atau dimasukkan dalam peraturan Pertandingan.
13. (a). Membenarkan doktor itu memasuki arena untuk merawat.  
(b). Tidak dibenarkan.
14. (a). Singkirkan dua orang atlet itu daripada meneruskan percubaan-percubaan seterusnya.  
(b). Kelapan-lapan atlet itu diberi tiga percubaan lagi.
15. (a). Sah  
(b). Ketika melepasi palang dan mendarat, palang tidak jatuh.
16. (a). Meninggalkan landas lari di belakang garisan putih jaluran lengkuk yang bersudut tepat dengan garisan selari.  
(b). Berundur kebelakang melepasi 4 meter dari lengkuk rejaman.
17. (a). Kedudukan atlet dalam kumpulan masing-masing.  
(b). Masa terbaik yang tercatat oleh atlet dalam semua separuh akhir.
18. (a). Percubaan itu dibatalkan.  
(b). Mengikut peraturan, atlet tidak boleh bertanding tanpa memakai nombor bib.
19. (a). Percubaan itu dibatalkan.  
(b). Garisan sector tidak termasuk dalam sukatan kawasan mendarat.
20. (a). Rekod tidak boleh diterima.  
(b). Rekod bagi Acara Bercampur boleh diterima sehingga purata halaju angin tidak melebihi 2.0 m/s. ( 2.5 m/s sahaja)

## BAHAGIAN B

No. 1

KEDUDUKAN	NAMA ATLET	NO. BIB	MASA RASMI
<b>1</b>	<b>Johnson</b>	<b>752</b>	<b>10.4</b>
<b>2</b>	<b>Sulaiman</b>	<b>432</b>	<b>12.0</b>
<b>3</b>	<b>Mohd Asri</b>	<b>347</b>	<b>12.1</b>
<b>4</b>	<b>Chamrat</b>	<b>712</b>	<b>12.2</b>
<b>5</b>	<b>Steven Lim</b>	<b>883</b>	<b>13.3</b>

<b>6</b>	<b>Goh Kim Soon</b>	<b>556</b>	<b>13.6</b>
<b>7</b>	<b>Arvin Kumar</b>	<b>428</b>	<b>14.9</b>
<b>8</b>	<b>Mohaideen</b>	<b>539</b>	<b>14.9</b>

2.

<b>Separuh Akhir 1</b>		<b>Separuh Akhir 2</b>	
<b>Lorong</b>	<b>Atlet</b>	<b>Lorong</b>	<b>Atlet</b>
1	Aziz	1	Isaan
2	Yunus	2	Petra
3	Burhan	3	Johari
4	Zenda	4	Ronne
5	Chandra	5	Kimsu
6	Aegin	6	Saud
7	Lingam	7	Mohd
8	Devan	8	Tian

- 3.
- (a). Memberi amaran dgn menunjukkan kad kuning.
  - (b). Tidak dibenarkan
  - (c). Dibenerkan
  - (d). Kiranya alasan yg diberi menasabah dan pertandingan belum tamat maka atlet itu boleh dibenarkan bertanding.
  - (e). Kesalahan teknikal, ditunjukkan kad hijau kepada semua atlet.
  - (f). Tanda tempat berlakunya salah laku, mencatat nombor bib atlet yang terlibat dan mengangkat bendera kuning.
  - (g). Peserta berumur 16 atau 17 tahun sahaja boleh bertanding dalam kategori ini.
  - (h). Pasukan itu hendaklah dibatalkan.
  - (i). Sampaikan maklumat itu kepada Referi Balapan dan Ketua Hakim Foto-finis.
  - (j). Melakukan pelepasan semula setelah menunjukkan kad amaran kuning hitam kepada atlet tersebut.

4.

(a).

BIL	ATLET	Ketinggian Terbaik	Atlet Yang Layak
1	Saidin		
2	Chuah	2.10	Q
3	Allen	2.05	Q
4	Lingam	2.10	Q
5	Dolah		
6	Ragul	2.05	Q
7	Azlan	2.05	Q
8	Darus		
9	Uegen		
10	Husin		
11	Velan		
12	Tien		
13	Ghaus		

Kumpulan B

BIL	ATLET	Ketinggian Terbaik	Atlet Yang Layak
1	Wong		
2	Duran		
3	Sarjit	2.10	Q
4	Samret	2.05	Q
5	Khir	2.10	Q
6	Ismail	2.05	Q
7	Gulam		
8	Sarip		
9	Syed	2.05	Q
10	Mat	2.05	Q
11	George	2.10	Q
12	Lucus	2.10	Q

- (b). i. Palang dinaikkan serentak  
ii. Bilangan atlet hamper sama.
5. (a). Garisan 10 sm yang dibuat di tepi belakang kotak lonjak.  
(b). Ruang untuk memasukkan atlet yang telah menerima 3 kad merah untuk tempoh yang ditentukan.  
(c). Jarak 0.1 % ditambahkan dalam ukuran laluan untuk mengelak laluan itu nanti didapati lebih pendek apabila diukur semula pada masa hadapan.  
(d). Did Not Finish

- (e). Dengan keinginan sendiri tidak mahu membuat lompatan pada ketinggian tertentu.
6. (a).

NAMA1	L. PELURU	JUMLAH MATA	KEDUDUKAN
Ikbal	848	9175	1
Brynth	838	9062	5
Quan	899	9175	1
Faris	862	9175	1
Larry	840	9064	4

- (b). Atlet itu dianggap sudah terkeluar dari pertandingan.